

# The Study Quran A New Translation and Commentary

Seyyed Hossein Nasr (Ketua Penyunting); Caner K. Dagli, Maria Massi Dakake, Joseph E. B. Lumbard (Penyunting Am); Mohammed Rustom (Pembantu Penyunting).  
HarperOne, New York, 2015

Pengulas:

Irwan Hanish

Persatuan Pendidikan Falsafah dan Pemikiran Malaysia (PPFPM).

Jabatan Mikrobiologi, Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul, Universiti Putra Malaysia,  
43400 UPM Serdang, Selangor, Malaysia.

[irwanhanish@upm.edu.my](mailto:irwanhanish@upm.edu.my)

## **Latar Penerbitan**

*The Study Quran: A New Translation and Commentary* adalah monumen intelektual sekumpulan sarjana Islam yang dipimpin Prof Dr Seyyed Hossein Nasr selaku Ketua Penyunting (*Editor-in-Chief*). Prof Nasr kini berkhidmat sebagai Profesor Pengajian Islam di George Washington University. Beliau merupakan *polymath* yang berpengalaman lebih 50 tahun dalam bidang falsafah Islamik yang merangkumi lapangan metafizik, tasawuf, seni dan sains moden.

Prof Nasr pada awalnya menolak tawaran HarperOne untuk mengetuai projek *The Study Quran*. Beliau menyedari yang ia merupakan tanggungjawab spiritual yang sangat berat; projek ini adalah antara inisiatif terbesar disiplin Tafsir al-Quran dalam dunia akademia bermediumkan bahasa Inggeris. Ia berpotensi mengubah landskap pemikiran Islamik global, khususnya di barat, bagi dekad-dekad mendatang. Namun, hasil doa dan refleksi diri, Prof Nasr

menyedari yang tugas ini dipertanggungjawabkan oleh Tuhannya. Jika dia menolak, HarperOne berkemungkinan membatalkan projek ini, atau memberinya kepada pihak yang tersasar dari tradisi intelektual Islam.

Beliau akhirnya menerima tawaran tersebut dengan meletakkan beberapa syarat. Antaranya ialah kumpulan projek ini tidak dianggotai sarjana yang hanya memandang al-Quran sebagai kajian akademik semata-mata. Beliau mahu kumpulannya dibentuk sarjana yang berpegang bahawa ia adalah Kata-kata Tuhan, yang hidup dalam roh al-Quran dan berpegang pada tradisi Tafsir klasikal yang tidak dicemari kemodenan.

Prof Nasr memilih tiga Penyunting Am (*General Editors*) untuk menyokongnya. Dr Caner K. Dagli merupakan Profesor Madya Pengajian Agama di College of the Holy Cross. Beliau adalah pakar tasawuf, falsafah Islamik dan pengajian al-Quran. Dr Maria Massi Dakake adalah Profesor Madya bidang Pengajian Agama di George Mason University dan berkepakaran dalam dialog antara agama, Shiisme, pengajian al-Quran dan kajian isu wanita dalam Islam klasikal. Dr Joseph E. B. Lumbard bertugas sebagai Pembantu Profesor dalam Pengajian Bahasa Arab dan Translasi di American University of Sharjah. Beliau adalah pakar pengajian al-Quran, tasawuf, ekoteologi Islamik dan teologi perbandingan. Seorang lagi sarjana, Dr Mohammed Rustom kemudiannya menyertai kumpulan ini sebagai Pembantu Penyunting (*Assistant Editor*). Dr Rustom adalah Profesor Madya bidang Pengajian Islam di Carleton University yang berkepakaran dalam tasawuf, falsafah Islamik dan takwil al-Quran.

### **Tetamu Baru dalam Genre *Study Bible***

Projek *The Study Quran* mengambil masa lebih sembilan tahun untuk dihasilkan. Ia bukan hanya cahaya baru dalam kajian Tafsir, tetapi juga episod bersejarah dalam genre akademik yang dikenali sebagai *study bible*. Genre ini, seperti namanya, berasal dari jenis

penerbitan yang diformatkan khas bagi penyelidik Injil yang serius. Kitab dalam genre ini, misalnya *The HarperCollins Study Bible*<sup>1</sup>, dilengkapi perkakasan seperti anotasi yang ekstensif, rujukan istilah utama (dipanggil *concordance*), ilustrasi dan peta. *The Study Quran* adalah teks rujukan Islam pertama yang memasuki genre penting ini.

Setebal hampir 2000 muka surat, *The Study Quran* memanfaatkan beberapa teknologi dan teknik reka bentuk penerbitan. Majoriti helaiannya terdiri dari “*bible paper*”, sejenis kertas khas yang mengimbangkan kekuatan tegangan, ketebalan dan kos. Buku ini tidak mengandungi teks asal al-Quran dalam bahasa Arab. Walaupun teks bahasa Inggerisnya dicetak kecil, pemilihan Garamond Premier Pro sebagai fon cetakan membuatkan ia selesa dibaca. Keputusan-keputusan ini membolehkan lautan informasi *The Study Quran* dipadatkan ke dalam satu buku, berbanding beberapa jilid buku. Ini menjadikannya sumber rujukan yang lebih mampu dimiliki dan menarik, walaupun bagi masyarakat awam yang tidak berhasrat menyelidiki al-Quran secara profesional.

Jaket buku birunya boleh dibuka, menampakkan kulit keras hitam yang dihiasi rekaan geometrik keemasan, lambang kesenian Islamik yang elegan. Muka surat pengenalan surah dimahkotakan kaligrafi *bi'smi 'Llāhi al-Raḥmān al-Raḥīm*, diikuti penghuraian tema dan *asbāb al-nuzūl* surah berkenaan. Setiap ayat dalam ruang Terjemahan (*Translation*) ditandai medalion merah lembut yang minimalistik. Di bawahnya adalah ruang Tafsiran (*Commentary*) yang dibahagi kepada dua lajur yang kemas. Selepas surah *al-Nās*, pembaca disajikan koleksi Esei (*Essays*) nukilan sarjana Islam semasa. Bahagian Lampiran (*Appendices*) mengandungi petikan hadis yang dirujuk dalam Tafsiran, biografi pentafsir, serta garis masa dan peta berkaitan sejarah al-Quran.

---

<sup>1</sup> Harold W. Attridge, *The HarperCollins Study Bible*, Rev. ed. (New York: HarperOne, 2006)

## Keindahan Terjemahan, Kekayaan Tafsiran dan Esei yang Informatif

Terjemahan dalam *The Study Quran* dibina di bahu terjemahan Inggeris yang berpengaruh, seperti Marmaduke Pickthall<sup>2</sup>, A.J Arberry<sup>3</sup> dan lain-lain. Kumpulan Prof Nasr juga, dengan konsultasi sarjana lain, mencuba sebaik mungkin untuk menterjemah setiap perkataan terus dari bahasa Arab al-Quran. Usaha yang mereka laburkan diceritakan oleh Prof Nasr:

*... a huge effort and many countless hours have been expended.... This effort included the creation of hundreds of secondary indexing documents and an enormous spreadsheet to track the use of individual words, phrases, and roots appearing in the translation.*

(... usaha dan masa yang tidak terkira telah berikan.... Usaha ini termasuk membina ratusan dokumen pengindeksan sekunder dan hampan elektronik yang sangat besar untuk mengesan penggunaan perkataan, frasa, dan kata akar yang terdapat dalam terjemahan itu.)<sup>4</sup>

Dengan kata lain, di sebalik tabir terjemahan *The Study Quran* yang terpapar, mereka telah membina ratusan muka analisis dan jadual bagi memilih ekspresi Inggeris terbaik untuk memaknakan ayat al-Quran, satu demi satu.

Ini juga bermaksud mereka mengambil kira elemen puitis al-Quran dan memancarkannya sebaik yang boleh ke dalam keindahan bahasa Inggeris. Dari satu segi, ia adalah kelemahan *The Study Quran*, kerana bagi pembaca yang kurang berpengalaman dalam bahasa Inggeris, kualiti prosa ini mungkin mencabar untuk dihargai. Misalnya:

---

<sup>2</sup> Marmaduke Pickthall, *The Meaning of the Glorious Quran* (New York: Everyman's Library, 1993).

<sup>3</sup> Arthur J. Arberry, *The Koran Interpreted* (New York: Touchstone, 1996).

<sup>4</sup> Dalam *General Introduction*, m. xlii. Terjemahan ke bahasa Melayu oleh penulis.

*Guide us upon the straight path, the path of those whom Thou hast blessed, not of those who incur wrath, nor of those who are astray.*<sup>5</sup>

Perkataan seperti *Thou, hast*, dan *wrath* adalah pilihan linguistik yang mungkin lebih mencabar bagi rumpun Malayonesia hari ini berbanding *You, have* dan *anger*.

Namun, bagi yang berpengetahuan dalam bahasa Inggeris, pemilihan istilah dan sintaks klasikal seperti ini memberi lebih kepuasan dari segi penghayatan dan intelektual. Dari segi penghayatan, gaya bahasa ini lebih hampir dengan sensasi fenomenologikal penutur Arab moden ketika membaca atau mendengar Arab al-Quran. Dari aspek intelektual, dalam contoh ini, *The Study Quran* memelihara kesamaran *al-maghḍubi ‘alayhim* melalui *those who incur wrath*, tanpa menambah *those who incur [Your] wrath*. Di sini, kesamaran bahasa Arab tentang siapa agen pelaku menunjukkan kemurkaan (*wrath*) itu belum pasti berlaku. Dengan kata lain, walaupun mereka layak dimurkai, tetapi Allah belum pasti murka, dan Dia membuka pintu taubat seluas-luasnya. Ia nuansa penting bahawa rahmah Allah jauh melampaui kemurkaanNya.

Lebih dari keindahan Terjemahannya, apa yang meletakkan *The Study Quran* di kelas tersendiri ialah kekayaan Tafsirannya. Selain sumber Sunni biasa seperti ibn Kathīr<sup>6</sup> dan al-Ṭabarī,<sup>7</sup> *The Study Quran* turut menyertakan sumber autoritatif Islam aliran lain, seperti Ṭabāṭabā’ī<sup>8</sup> (Ithnā‘ashariyyah) dan ibn ‘Ajībah<sup>9</sup> (Taṣawwuf Darqāwiyyah-Shādhiliyyah). Dalam masa yang sama, ia dilindungi dari sumber yang terpisah dari tradisi klasikal Islam seperti tafsiran moden, fundamentalis, dan *salafī*.<sup>10</sup> Di sini, moden dan fundamentalis ialah mereka yang mentafsir semula al-Quran dengan mengabaikan tradisi intelektual Tafsir yang terbina sejak Islam bermula. Moden cuba meletakkan Tafsir di bawah ideologi modenisme,

---

<sup>5</sup> m. 5, Al-Fātiḥah, ayat 6-7

<sup>6</sup> Abū I-Fidā’ Ismā’īl ibn ‘Umar ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur’ān al-‘aẓīm*

<sup>7</sup> Muḥammad ibn Jarīr al-Ṭabarī, *Jāmi‘ al-bayān ‘an ta’wīl āy al-Qur’ān*

<sup>8</sup> Muḥammad Ḥusayn Ṭabāṭabā’ī, *Al-Mīzān fī Tafsīr al-Qur’ān*

<sup>9</sup> Aḥmad ibn ‘Ajībah, *al-Baḥr al-madīd fī tafsīr al-Qur’ān al-majīd*

<sup>10</sup> Lihat m.1645, *Quranic Commentaries* oleh Walid Saleh

manakala fundamentalis melakukannya ke arah ideologi militan mereka. *Salafi* pula, dalam konteks ini, merujuk kepada mereka yang mengambil sumber generasi terawal, tetapi mengabaikan ratusan tahun perkembangan intelektual yang terbina selepasnya.

Maka, secara keseluruhan, Tafsiran *The Study Quran* meraikan diversiti pandangan yang dominan sepanjang perkembangan Tafsir yang telah berlaku lebih seribu tahun. Pendekatan komprehensif ini menjanjikan dua perkara: Pertama, setiap pembaca Muslim akan menemui tafsiran yang tidak dapat diterima kerana berada di luar aliran fahamannya. Kedua, ia membuka peluang kepada pembaca terpelajar untuk meninjau perbezaan pentafsiran yang berwibawa sepanjang sejarah Islam, semuanya di dalam satu kitab yang sama.

Koleksi Esei *The Study Quran* adalah “buku di dalam buku”: ia merangkumi hampir 300 muka surat yang terdiri dari 15 esei dengan topik yang pelbagai, dari searas *How to Read the Quran* (Bagaimana untuk Membaca al-Quran) oleh Dr Ingrid Mattson hingalah ke *Death, Dying, and the Afterlife in the Quran* (Kematian, Menghadapi Mati, dan Akhirat dalam al-Quran) oleh Shaykh Hamza Yusuf. Kesemua esei ini sangat efektif dalam mempersiapkan pembaca untuk melayari Terjemahan dan Tafsiran di teks utama *The Study Quran*. Selain itu, esei-esei tersebut membantu pembaca memposisikan al-Quran dalam isu kritikal seperti hukum jenayah,<sup>11</sup> tafsiran saintifik,<sup>12</sup> tafsiran esoterik,<sup>13</sup> dan konflik bersenjata.<sup>14</sup>

---

<sup>11</sup> m. 1695, *The Quran as Source of Islamic Law* oleh Ahmad Muhammad al-Ṭayyib

<sup>12</sup> m. 1679, *Scientific Commentary on the Quran* oleh Muzaffar Iqbal

<sup>13</sup> m. 1659, *Traditions of Esoteric and Sapiential Quranic Commentary* oleh Toby Mayer

<sup>14</sup> m. 1805, *Conquest and Conversion, War and Peace in the Quran* oleh Caner K. Dagli

## Kesimpulan

Bagi dekad-dekad mendatang, *The Study Quran* dijangka menjadi sumber utama tafsiran al-Quran dalam dunia akademia bermediumkan bahasa Inggeris. Perkembangan ini pastinya akan disertai Malaysia yang bertuah kerana memiliki golongan terpelajar yang memahami bahasa Inggeris. Ini membolehkan mereka, sama ada Muslim dan bukan Muslim, memanfaatkan buku ini untuk mencabar kefahaman diri, misalnya, tentang perkaitan teologi dan falsafah,<sup>15</sup> atau cara al-Quran melihat penganut agama lain.<sup>16</sup> Akhir sekali, saya berdoa agar ulasan ringkas ini membuka hati pembaca untuk memanfaatkan *The Study Quran*, bukan hanya sebagai rujukan kerohanian, tetapi juga sebagai perisai pemerikasaan falsafah dan pemikiran di Malaysia.

---

<sup>15</sup> Lihat m. 1719, *The Quran and Schools of Islamic Theology and Philosophy* oleh Muṣṭafā Muḥaqiq Dāmād,

<sup>16</sup> Lihat m. 1765, *The Quranic View of Sacred History and Other Religions* oleh Joseph Lumbard